

➤ **Kerana sudah tiba masanya kita menghadapi segala cabaran yang ada. Bagi saya, WPI ini adalah proses seterusnya yang mana Melayu bukan lagi global tetapi akan menjadi lebih global**  
— Musa Hitam

# Melayu tidak perlu merendahkan diri

UM-25/2/2007

**ADAKAH masyarakat Melayu keseluruhannya memahami matlamat sebenar projek ini?**

**MUSA:** Zaman dahulu hendak tanam padi pakai Kubota, timbul persoalan adakah orang Melayu boleh menggunakan jentera ini? Tetapi semakin lama, semakin ramai Melayu yang menggunakannya. Begitu juga program kerajaan memperkenalkan perancang keluarga. Berapa tahun kita mengambil masa, semua pihak kutuk. Lama-kelamaan orang Melayu sedar mereka perlu merancang. Dan kita adakan klinik-klinik di kampung. Peranan yang dimainkan oleh badan kerajaan berjaya mengubah persepsi orang kampung. Sebenarnya banyak cerita yang menggambarkan Melayu semakin maju.

**Kebimbangan sekarang, rakyat terutama Melayu rasa mereka akan tertinggal?**

**MUSA:** Jangan harus ada perasaan rendah diri. Kita kena menganggap cabaran yang perlu kita tempuhi. Inilah cara yang kita buat dahulu. Rakyat Malaysia terutama Melayu cukup paranoid dan fobia dengan Singapura. Saya hairan apa yang takut sangat. Sebenarnya mereka pun takut dengan kita. Mereka juga fobia. Tetapi itulah masalahnya Melayu ini, mereka terlalu merendahkan diri. Saya minta maaf.

Kita takut pada Singapura sehingga mengatakan Singapura hendak telan kita dan

sebagainya. Bagaimana Singapura hendak telan kita kerana kita besar? Mereka hanya boleh telan kita jika mereka cerdik dan kita bodoh. Kita bukan lagi bangsa yang bodoh. Dari segi fizikal, Singapura hanya berada dalam satu pulau dan sebuah negara yang kecil. Pun begitu, kita tidak boleh kata mereka lebih memerlukan kita. Kita memerlukan mereka seperti mana mereka memerlukan kita.

Cabaran seperti WPI itu bagus untuk kita kerana ia boleh mengurangkan sikap merendahkan diri. Kerana sudah tiba masanya kita menghadapi segala cabaran yang ada. Bagi saya, WPI ini adalah proses seterusnya yang mana Melayu bukan lagi global tetapi akan menjadi lebih global. Sekarang Perdana Menteri kata, kita lebih terbuka, kita akan menerima daripada apa keturunan pun asalkan mereka boleh memberi sumbangan. Orang Melayu juga mesti pandai menggunakan kuasa otak orang lain.

Melayu mesti pandai menggunakan pakar-pakar, para profesional untuk membangunkan negara. Siapa mereka? Saya balik kepada Tanjung Pelepas. Siapa punya? Siapa urus? Daripada atas hingga ke bawah siapa? Saya cakap terus terang, saya diberi perancangan tentang projek ini. Siapa mereka? Tenaga mahir dari Kedah, Johor dan sebagainya. Sebelum ini mereka diberi latihan, dihantar ke pelabuhan luar negara, sekarang Tanjung Pelepas merupakan salah satu pe-

labuhan paling efisien.

Mereka mampu bersaing dengan Singapura. Siapa mereka? Melayu. Bila ada pelabur datang, mereka akan cari Melayu tetapi saya tekankan sekali lagi, Melayu yang boleh melaksanakan tugas mereka.

**Realitinya adakah orang Melayu telah benar-benar bersedia?**

**MUSA:** Sudah tiba masanya kita mengadaptasi atau menyesuaikan diri kepada keadaan masa. Bersedia atau tidak, kita tidak tahu melainkan kita diuji. Setakat ini kita telah diuji dan kita okey. Kita tidak cemerlang tetapi okey. Bila kita okey, kita boleh jadi lebih baik. Bagaimana kita hendak buat lebih baik? Dengan pendedahan bukan dengan terus mengatakan kerajaan perlu melindungi kita. Perlindungan ini bagus – sementara, tetapi kalau kita dilindungi dan mengharapkan perlindungan seumur hidup, kita tidak bagus. Kita tiada inisiatif, tidak berani.

Saya sendiri cuma mendapat perlindungan dan bantuan daripada kerajaan sewaktu bersekolah – saya dapat biasiswa kerana adik-beradik saya 10 orang, emak bapa pula telah meninggal dunia. Kemudian masuk universiti juga dapat biasiswa. Selepas itu, saya belajar berdiri di atas kaki sendiri untuk menjadi saya hari ini.

**Persoalannya orang Melayu masih me-**

**nganggap mereka belum bersedia. Jika langkah ini diambil, mungkin lebih banyak hak mereka akan hilang?**

**MUSA:** Apa yang kita akan hilang? Kita telah menunjukkan kebolehan kita. Jika negara luar mahu melabur di negara kita mereka tidak mengatakan mahu syarikat milik Melayu. Sebaliknya mereka mencari syarikat Malaysia yang bagus. Dan syarikat-syarikat ini dimiliki oleh Melayu. Di sinilah kita harus berada. Kita sepatutnya mengikis sikap rendah diri dan mentaliti bergantung kepada kerajaan. Kita perlu kikis sikap ini. Saya tidak ada sikap ini sebab pendidikan saya, pendedahan saya dan juga pengalaman saya. Dulu mat saleh tengok kita rendah, sekarang mereka mengakui kita setanding dengan mereka dan mula menghormati kita. Apabila kita ada pendidikan, barulah ada keyakinan diri.

**Adakah ia akan menjadi mercu tanda atau kebanggaan orang Melayu?**

**MUSA:** Pada saya harus, sebab yang membuat perancangan, yang mengkonsepkannya ialah daripada UMNO. Kedua, yang merancang projek ini ialah Khazanah Nasional, siapa mereka? (Datuk) Azman Mokhtar, Mohamad, Amin, nama-nama Melayu. Yang hendak melaksanakannya siapa? (Datuk) Ahmad Pardas Senin dari Segamat dan sebagainya. Seharusnya kita turut berasa bangga dengan pencapaian ini.